

19/11/1999

Dr M puas hati persediaan bilik gerakan BN

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa kira-kira sejam melawat bilik gerakan Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), petang ini.

Perdana Menteri berpuas hati dengan persediaan dan kelengkapan lebih canggih yang digunakan BN untuk pilihan raya umum kali ini.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata bilik gerakan yang mempunyai 220 kakitangan kini beroperasi 24 jam.

Selain BN, Pergerakan Pemuda Umno turut menyediakan bilik gerakan sendiri di tingkat 37 PWTC.

Pemantauan ke ibu pejabat Umno dan BN hari ini, menyaksikan bilik gerakan Pemuda mulai sibuk dengan pelbagai persediaan, manakala bilik gerakan Pergerakan Wanita masih sepi.

Bilik gerakan BN di tingkat 39 PWTC juga mulai sibuk dengan persediaan masing-masing.

Sementara itu, beberapa Ketua Perhubungan Umno negeri termasuk Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Isa Abdul Samad dan Ketua Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Suleiman Mohamad, hadir di ibu pejabat Umno untuk mengambil senarai calon dan watakah bagi kebenaran menggunakan logo BN daripada Setiausaha Kerja, Tengku Adnan Tengku Mansor, petang semalam.

Abdul Ghani ketika ditemui berkata, beliau akan mengumumkan senarai calon BN bagi negeri itu di Johor Bahru, esok, tetapi mengesahkan beliau akan terus bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Serom.

Kedudukan itu hampir mengekalkan kedudukan beliau sebagai Menteri Besar Johor, terutama selepas Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein yang diura-urakan sebagai bakal Menteri Besar, dikekalkan di Parlimen Tenggara.

Sanusi pula berkata, Dr Mahathir akan mengumumkan senarai calon BN bagi negeri Kedah di Alor Star esok, tetapi mengesahkan kedudukannya di DUN Kuah, Langkawi.

Bagaimanapun beliau berkata, masih terdapat beberapa masalah kecil mengenai senarai calon Kedah dan menjangka dapat diselesaikan sebelum pengumuman esok.

(END)